

# BAB 2

## **PERTUMBUHAN, PEMBANGUNAN DAN PERUBAHAN STRUKTUR**

*Shamzaeffa Samsuddin*

*Asan Ali Golam Hassan*

### **Pengenalan**

Pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan perubahan struktur adalah saling berkaitan dalam bidang ekonomi dan kadangkala diterima sebagai istilah yang sama walaupun pada hakikatnya ia adalah berbeza dari segi definisinya. Pertumbuhan ekonomi merujuk kepada pendapatan negara secara kuantitatif, output per kapita atau output kasar yang dianggarkan oleh Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan per kapita (Chaudhuri, 1989). Peningkatan secara kuantitatif dalam KDNK menunjukkan pertumbuhan manakala pembangunan menggambarkan perubahan-perubahan pemboleh ubah bukan ekonomi secara kualitatif (Brinkman, 1995). Pembangunan juga bersifat multi-dimensi kerana ia bukan sahaja tertumpu kepada perubahan struktur, malah melihat kepada populasi, sosial dan juga politik (Berstein, 1971). Selain daripada itu, penentu-penentu pembangunan juga meliputi penciptaan peluang pekerjaan moden, pengagihan pendapatan yang semakin seimbang, pengurangan kadar kemiskinan dan pengangguran. Secara keseluruhannya, pembangunan boleh didefinisikan sebagai proses peralihan ke hadapan kepada keseluruhan sistem sosial seperti peningkatan produktiviti, keseimbangan ekonomi dan sosial, pengetahuan moden, kewujudan institusi-institusi dan peralihan kepada sikap yang lebih baik (Meier, 1988).

Selain daripada konsep perubahan dan peningkatan aktiviti ekonomi moden, pembangunan juga menekankan prinsip perubahan nilai. Tiga nilai asas yang terkandung dalam takrifan pembangunan secara luas ialah kecukupan hidup (*life-sustenance*), keyakinan diri dan juga kebebasan (Thirlwall, 1983; 1994). Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan tidak semestinya membawa makna pembangunan kerana pembangunan mempunyai skop yang lebih luas, bukan hanya tertumpu kepada pendapatan negara, malah merangkumi perubahan-perubahan dalam ekonomi, sosial dan politik yang seiring dengan pengurangan ketidakseimbangan dan juga kemiskinan (Seer, 1979; Todaro, 1989). Pembangunan ekonomi menggambarkan penurunan syer pertanian dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) manakala pada masa yang sama berlakunya peningkatan syer industri, utiliti, institusi kewangan, pembinaan dan pentadbiran kerajaan. Di samping peralihan struktur ekonomi, akan berlaku juga peralihan struktur tenaga buruh dan peningkatan tahap pendidikan dan latihan untuk keperluan kerja, peningkatan peratusan populasi yang tinggal di kawasan bandar, penciptaan peluang pekerjaan moden, ketidakseimbangan pengagihan pendapatan dan pengurangan kemiskinan (Zuvekas, 1979; Smith, 1997).

Di samping itu, pembangunan ekonomi daripada aspek pertumbuhan jangka panjang dalam pendapatan per kapita yang secara umumnya diikuti dengan penurunan tahap kelahiran akan meningkatkan tingkat umur penengah (*median age*), jangkaan hidup dan kadar celik huruf di kalangan orang dewasa. Fenomena ini juga meningkatkan tahap urbanisasi disamping mengarah kepada pendidikan dan latihan yang lebih sesuai untuk meningkatkan taraf guna tenaga.

Pertumbuhan dan perubahan struktur berkait rapat antara satu sama lain. Industrilisasi merupakan matlamat utama dalam proses perubahan struktur (Syrquin & Chenery, 1986). Kebanyakan penulis mengakui kebergantungan kedua-dua faktor ini. Ada juga penulis yang menekankan keperluan perubahan struktur kepada pertumbuhan. Bagi Kuznets (1971), sesetengah perubahan struktur memerlukan bukan sahaja perubahan dari segi ekonomi tetapi juga dari segi perubahan institusi sosial, tanpanya pertumbuhan ekonomi moden mungkin mustahil. Manakala Chenery (1979) memandang pembangunan ekonomi sebagai satu set perubahan yang saling berhubungan dalam struktur ekonomi yang diperlukan bagi menjana pertumbuhan yang berterusan.

Pembangunan mempunyai ciri yang pelbagai atau berciri multi-dimensi. Penggunaan KDNK semata-mata tidak cukup untuk menerangkan makna pembangunan. Pada masa yang sama, penentu-penentu sosial sukar digabungkan dalam mengukur pembangunan sosial sejagat secara keseluruhan (Gillis et al., 1996). Untuk mengatasi masalah tersebut *Washington-Based Overseas Development Council* (ODC) telah memperkenalkan indeks kehidupan kualiti fizikal atau *physical quality of life index* (PQLI) dengan cara menjumlahkan tiga penentu pelbagai keperluan asas manusia iaitu hayat manusia pada umur satu tahun, kadar kematian bayi dan tahap celik huruf (Moris 1979). Pada bulan Mei 1990, *United Nation Development Program* (UNDP) mengeluarkan indeks pembangunan manusia atau *Human Development Index*, (HDI), untuk mengukur pertumbuhan sosioekonomi. HDI berasaskan tiga penentu, jangka hayat (*longevity*), pengetahuan (tahap celik huruf dan kemasukan ke sekolah) dan KDNK per kapita terselaras (menggunakan kesamaan kuasa membeli).

### Pertumbuhan dan Perubahan Struktur

Solow (1956 & 1957) dan Swan (1956) telah memberikan sumbangan yang penting dalam kajian berkaitan pertumbuhan ekonomi melalui model neoklasikal. Menurut model ini, perbezaan pendapatan per kapita antara wilayah menerangkan perbezaan dalam kadar pelaburan, pertumbuhan populasi dan kemajuan teknologi. Manakala proses penumpuan (*convergence*) antara wilayah banyak bergantung kepada tahap-tahap '*steady-state*' modal dan output per buruh. Ekonomi yang mempunyai tahap modal per buruh yang sedikit cenderung untuk mempunyai kadar pulangan dan kadar pertumbuhan yang tinggi ( Jones 1998).

Cardenas dan Ponton (1995), dalam kajian mereka terhadap pertumbuhan dan proses penumpuan antara wilayah di Colombia mengambil kira pemboleh ubah bersandar

(*explanatory*) seperti KDNK per kapita, kadar pendaftaran sekolah menengah, kadar buta huruf, jumlah tahun bersekolah, komposisi output mengikut sektor, agihan pendapatan dan penentu perdagangan asing. Kebanyakan kajian berkaitan dengan pertumbuhan sekarang ini telah mengembangkan model pertumbuhan Solow dengan menggabungkan beberapa pemboleh ubah lain (yang diandaikan tetap dalam model Solow) seperti simpanan, pelaburan sumber manusia, pengembangan produk, kepelbagaian dan peningkatan kualiti produk, penyebaran teknologi dan kadar kelahiran (Detragiache, 1998; Kleanow & Claire, 1999; Barro & Sala-i-Martin, 1995;1999).

Model Barro menyatakan bahawa kadar pertumbuhan per kapita output mempunyai hubungan yang positif dengan tahap persekolahan yang tinggi (terutamanya pada peringkat menengah kerana ia mampu menyerap teknologi baru), jangkaan hidup yang lebih tinggi (sebagai proksi kepada kesihatan dan modal manusia yang lebih baik), kemajuan perdagangan antarabangsa (untuk menjana peluang pekerjaan dan pendapatan), syer penggunaan kerajaan yang lebih rendah (menunjukkan lebih banyak sumber digunakan dalam pelaburan swasta yang produktif) dan tahap kelahiran yang lebih rendah (yang dijangka akan meningkatkan tabungan apabila nisbah tanggungan menjadi rendah) (Kelly & Schmidt, 1998).

Kajian empirikal di Jepun dan Korea mendapati terdapatnya hubungan positif yang kuat antara teknologi yang diimport dan modal manusia dalam proses pertumbuhan (Kubo & Kim, 1996). Selain itu, pertumbuhan juga mempunyai hubungan positif dengan peningkatan penggunaan mesin dan peralatan pelaburan yang akan mempercepatkan pertumbuhan produktiviti (De-Long & Summers, 1991).

Kajian empirikal oleh Cohen dan Klepper (1996), pula menunjukkan bahawa aktiviti penyelidikan dan pembangunan P&P akan mempunyai hubungan yang positif dengan saiz firma. Ini kerana modal manusia atau pengumpulan modal fizikal ialah penghubung penting antara P&P dan pindahan teknologi. Kadar pendaftaran persekolahan selalunya digunakan sebagai proksi pertumbuhan produktiviti dalam modal manusia. Kajian oleh Mankiw (1995) dan Bala dan Nijkamp (1997) menggunakan model pertumbuhan yang merangkumi pengumpulan modal manusia melalui pendidikan dan latihan.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan dan latihan mempunyai hubungan yang kuat dengan pertumbuhan ekonomi. Kajian oleh Raymo (1995), yang menggunakan data siri masa rakyat Jepun (1971-1991) mendapati terdapat hubungan positif antara stok modal manusia (diwakili oleh perbelanjaan agregat pendidikan tinggi) dengan pertumbuhan output. Selain itu, bukti empirikal terhadap pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan oleh High-Performing Asian Economics (HPAEs)<sup>1</sup>, menunjukkan sebahagiannya disebabkan oleh pelaburan besar dalam pendidikan (Compos & Root, 1996; World Bank, 1993; Nakao, 1997; Bloom & Williansom, 1998).

Perubahan struktur ekonomi-demografi ialah faktor penting dalam proses pembangunan. Pertumbuhan ekonomi boleh memberikan kesan kepada perubahan demografi dan perubahan demografi boleh memberi kesan (jangka panjang) kepada proses pertumbuhan,

Beberapa penentu demografi telah digunakan untuk mengkaji hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi. Penentu-penentu yang digunakan adalah seperti pertumbuhan populasi, saiz populasi, kadar kelahiran total, densiti, kadar kematian bayi, pertumbuhan umur bekerja, nisbah tanggungan, jangkaan hidup dan kadar migrasi. Negara berpendapatan tinggi telah dikategorikan sebagai mempunyai tahap modal manusia yang tinggi dan tahap kelahiran yang rendah berbanding dengan negara berpendapatan rendah yang berhadapan dengan tahap modal manusia yang rendah dan tahap kelahiran yang tinggi. Negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi dalam masa 25 tahun sebelum ini juga telah merekodkan peningkatan tahap modal manusia dan penurunan yang pesat kadar kelahiran (Rosenzweig, 1990).

Menurut Nijkamp dan Poot (1998), kerajaan boleh memainkan peranan yang penting dalam proses pertumbuhan melalui polisi-polisi tambahan yang mampu mempengaruhi penentu-penentu dalam model pertumbuhan seperti pelaburan, tabungan, gelagat, R&D, pertumbuhan populasi dan polisi berkaitan penghijrahan. Walaupun kebanyakan buku teks ekonomi konvensional menggunakan pendekatan yang menyatakan ketidakseimbangan adalah baik untuk pertumbuhan kerana ia akan meningkatkan insentif, banyak teori pertumbuhan, ekonomi geografi dan model ekonomi antarabangsa yang baru membangkitkan peranan penting kerajaan dalam proses pertumbuhan yang mengambil kira kemungkinan faedah teknologi berbanding (Nijkamp & Poot, 1998). Banyak dapatan kajian juga menunjukkan yang negara yang tidak serata (seimbang) tumbuh dengan lebih perlahan di mana pengagihan semula dapat membantu mempercepatkan proses pertumbuhan (Aghion et al., 1999). Penyelidikan oleh Easterly dan Rabelo (1993) dan Perott (1996) menunjukkan bahawa pengagihan semula melalui polisi fiskal mempunyai kesan positif kepada kadar pertumbuhan kerana ia akan menggalakkan peluang pelaburan dan meningkatkan produktiviti secara agregat.

Selain itu, pertumbuhan juga mempunyai hubungan positif dengan kadar keterbukaan sesebuah ekonomi itu terutamanya berkenaan dengan import dan eksport serta pelaburan domestik (Edwards, 1993; Sengupta, 1994; Andres et al., 1996). Kajian juga menunjukkan kadar keterbukaan melalui pelaburan langsung asing akan membawa banyak kelebihan kepada negara tuan rumah dari segi kemajuan teknikal melalui pelaburan dalam P&P dan juga melalui pengkhususan, pengurusan, kemahiran pemasaran dan juga persaingan (Wu, 2000). Di samping itu, polisi promosi eksport juga penting untuk meningkatkan kadar faktor produktiviti keseluruhan (TFP) (Balassa, 1978). Kajian empirikal ke atas pencapaian makroekonomi di negara-negara OECD mendapati kadar pertumbuhan cenderung berkolerasi positif dengan pertumbuhan eksport dan berkolerasi negatif dengan kadar inflasi (Andres et al., 1996).

Peningkatan modal awam (infrastruktur) juga penting dalam proses pembangunan. Sistem infrastruktur yang berkesan akan mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan produktiviti dalam suasana yang kompetatif iaitu melalui penurunan harga. Selain itu, ia juga menyebabkan guna tenaga dalam sektor yang tidak kompetatif menurun (Button, 1998). Dalam masa yang sama jika kadar pertumbuhan produktiviti antara wilayah atau

negara itu berbeza, buruh yang mobil akan mempunyai kesan yang sama dengan modal yang mobil (Nijkamp & Poot, 1998).

### Pertumbuhan dan Ketidakseimbangan

Penerangan yang komprehensif tentang proses pembangunan yang mempunyai hubungan kepada perubahan struktur ekonomi telah menjadi perhatian utama dalam kajian pembangunan ekonomi sejak pertengahan tahun 1950-an. Ia bermula dengan model asas oleh W. Arthur Lewis (1954). Teori perubahan struktur Lewis berdasarkan kepada model dua sektor, iaitu tradisional dan moden. Sektor tradisional merujuk kepada sektor pertanian yang mengalami lebih buruh serta produktiviti buruh yang sifar. Manakala sektor moden merujuk kepada sektor industri yang mengalami produktiviti buruh yang tinggi, dan upah buruh meningkat lebih pantas daripada sektor pertanian. Pelaburan dalam ekonomi moden juga semakin meningkat kerana penawaran buruhnya yang anjal. Dalam masa yang sama buruh akan terus berhijrah ke sektor industri dan produktiviti di kedua-dua sektor akan meningkat. Kelajuan transisi atau peralihan ekonomi kepada sektor moden adalah berdasarkan kepada pelaburan dan pengumpulan modal. Model Lewis telah menjadi teori umum dalam proses pembangunan kebanyakan negara-negara membangun pada tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an apabila kebanyakan negara telah mula mengubah ekonomi mereka lebih kepada sektor perindustrian (Todaro, 1997).

Teori model buruh-lebihan oleh Lewis ini kemudiannya diubah suai oleh John Fei dan Gustav Ranis (1964) dengan mengandaikan penawaran buruh pada mulanya adalah anjal sempurna. Peningkatan permintaan dalam sektor industri tidak akan meningkatkan upah. Apabila buruh terus berhijrah ke sektor industri, produk marginal buruh dalam sektor pertanian akan meningkat, upah di kawasan pedalaman juga akan meningkat dan penawaran buruh menjadi anjal.

Menurut teori perubahan struktur yang juga dikenali sebagai model buruh-lebihan oleh Lewis, ketidakseimbangan pada mulanya akan meningkat tetapi kemudiannya akan berkurangan. Ini disebabkan syer *pendapatan-tinggi* golongan kapitalis (akibat peningkatan sektor bandar) dan bilangan buruh yang mempunyai tingkat upah yang tinggi yang diambil bekerja di sektor moden meningkat. Menurut Lewis, ketidakseimbangan pendapatan buruh akan terus meningkat sehingga setengah daripada tenaga buruh mendapat pekerjaan dalam sektor moden dan kemudiannya akan berkurangan.

Lewis mendakwa kadar upah di sektor bandar moden adalah 30 peratus lebih tinggi daripada sektor pertanian. Ini akan menggalakkan lebih buruh di sektor pertanian (pedalaman) untuk berhijrah ke sektor bandar. Menurut Todaro (1997) dalam model buruh-lebihan Lewis, ketidaksamaan bukan hanya kesan penting daripada pertumbuhan ekonomi, malah ia juga adalah penyebab kepada pertumbuhan ekonomi seterusnya.

Selain itu, migrasi merupakan satu fenomena pembangunan yang tidak dapat dielakkan. Ia merupakan satu perpindahan sementara atau tetap individu atau sekumpulan orang

secara sukarela atau tidak sukarela yang melibatkan penyeberangan sempadan atau pentadbiran. Migrasi akan terus berlaku selagi wujud perbezaan antara pendapatan jangkaan di bandar dengan pendapatan sebenar di kawasan luar bandar dan pengangguran di kawasan bandar akan meningkat jika kadar pertumbuhan peluang pekerjaan di kawasan bandar lebih rendah dari kadar migrasi (Todaro, 1997).

Kajian-kajian awal berkenaan ketidakseimbangan telah didominasi oleh apa yang dikenali sebagai hipotesis Kuznets. Simon Kuznets (1955) melalui “hipotesis U-terbalik” (*inverted U-Shape hypothesis*) mendakwa pada peringkat awal pertumbuhan ekonomi, ketidakseimbangan agihan pendapatan akan menjadi semakin tinggi, tetapi akan menjadi lebih baik pada tahap akhir pertumbuhan. Kuznet menggunakan data pendapatan isi rumah dan Keluaran Negara Kasar (KNK) sebagai proksi kepada tahap pembangunan dan penentu Gini untuk mengukur agihan pendapatan pada mana-mana tahap tunggal pembangunan.

Penyelidikan seterusnya oleh Kuznet (1963) menggunakan saiz sampel yang lebih besar (7 buah negara membangun dan 9 buah negara sedang membangun) mendapati bahawa agihan pendapatan di negara-negara sedang membangun adalah tidak sama dengan negara-negara membangun dan ketidakseimbangan dalam negara miskin mempunyai kolerasi yang positif dengan pertumbuhan. Manakala kajian terbaru oleh Rahman (1999), mendapati bahawa ada hubungan U-songsang yang signifikan antara ketidakseimbangan dengan nisbah modal-manusia, iklim, institusi dan kerajaan.

Williamson (1965) dalam penyelidikannya di Amerika Syarikat (menggunakan data daripada tahun 1840-1960), telah menunjukkan wujudnya hubungan songsang antara ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dengan tahap-tahap pembangunan (masa). Mera (1978) dalam penyelidikannya ke atas daerah yang berbeza di Jepun, menyokong teori yang dibawa Williamson. Kajian ini hampir sama dengan kajian oleh Bornscher (1983) yang mendapati agihan pendapatan yang tidak serata adalah rendah di negara pertanian tradisional yang mengamalkan sistem sara diri. Agihan pendapatan yang tidak serata ini akan mula meningkat apabila sistem sara diri berubah kepada sistem pertanian yang lebih maju. Selain itu, negara yang mempunyai peratusan yang tinggi dalam guna tenaga dalam sektor tidak formal akan memperlihatkan ketidakseimbangan pembangunan yang tinggi (Saeed & Prankprakma, 1997).

Menurut Todaro (1997) ketidakseimbangan yang wujud di negara sedang membangun adalah disebabkan daripada sikap tidak menabung atau pelaburan yang tidak produktif oleh golongan kaya. Ia juga disebabkan oleh modal manusia yang rendah di kalangan penduduk miskin dan corak penggunaan penduduk miskin yang lebih cenderung kepada barangan tempatan. Perbezaan dalam pengumpulan modal manusia adalah antara sebab utama wujudnya perbezaan dalam pertumbuhan antara wilayah (Lucas, 1988).

Dalam proses tranformasi ekonomi daripada berasaskan pertanian kepada berasaskan perindustrian akan wujudnya sektor yang maju (sektor perindustrian) dan sektor tradisional (sektor pertanian), keadaan ini sedikit sebanyak akan memperlihatkan masalah

ketidakseimbangan wilayah. Ketidakseimbangan juga boleh dirujuk daripada kumpulan industri mengikut wilayah. Kebanyakan industri yang besar dan berasaskan teknologi moden lebih tertumpu di wilayah-wilayah yang agak maju dibandingkan dengan industri-industri kecil (termasuk IKS). Di Malaysia, industri-industri ini adalah seperti memproses makanan, minuman, perabut, kertas dan keluaran kertas, getah dan keluaran getah dan keluaran bukan logam. Industri-industri yang tidak memerlukan teknologi tinggi mudah untuk tersebar di kawasan kurang maju yang pada keseluruhannya daya pengeluaran buruh yang rendah dan tingkat upah yang juga rendah. Selain itu, wilayah-wilayah yang kurang maju juga mempunyai penduduk yang agak berselerak. Di wilayah-wilayah ini juga masalah kemiskinan berlaku pada kadar yang agak besar. Tiada pekan di kawasan ini yang dapat ditakrifkan sebagai kawasan bandar. Ketiadaan kawasan bandar di wilayah-wilayah ini akan melambatkan pembangunan kerana pekan-pekan kecil kurang mampu menjana aliran perdagangan/perniagaan antara bandar/wilayah (Anuar, 1983; Asan, 1998).

Arah aliran modal yang hanya tertumpu ke wilayah-wilayah yang maju, telah memburukkan ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara negeri dan daerah. Para pelabur lebih berminat menempatkan kegiatan mereka di bandar besar walaupun galakan penempatan dan estet telah diwujudkan di kawasan yang kurang maju. Di peringkat awal proses perindustrian, masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah tidak dapat dielakkan, tanpa campur tangan kerajaan pelabur akan terus memilih bandar besar untuk menempatkan kegiatan perkilangan mereka (Anuar, 1983). Selain itu, proses membuat keputusan oleh para pelabur tidak semestinya dapat menjamin penempatan industri di kawasan yang kurang maju (Fu, & Kamal, 1978) dan galakan kepada syarikat besar secara berlebihan akan menyebabkan agihan sektor perindustrian yang tidak seimbang antara wilayah (Osman, 1983).

Pemusatan industri di wilayah yang telah maju juga ada kaitannya dengan tahap pelajaran dan pengalaman buruh, rata-rata tahap ini lebih tinggi di wilayah yang telah maju di bandingkan dengan wilayah yang mundur (Meeram, 1979). Selain itu, wujud satu hubungan yang songsang antara tingkat pelajaran dan kadar kemiskinan, semakin tinggi tingkat pelajaran penduduk di sesuatu kawasan semakin rendah kadar kemiskinan di kawasan tersebut. Masalah penumpuan penduduk di kawasan bandar juga akan membawa kepada kemiskinan terutamanya jika majoriti penduduknya ialah bumiputera (Mohd Yusof, 1990). Pekerja yang berpelajaran dan berpengalaman akan berpindah ke wilayah yang telah maju dan yang tinggal di wilayah yang kurang maju kebanyakannya pekerja yang tidak mempunyai kemahiran industri (Pryor, 1979).

### Kesimpulan

Output sering digunakan sebagai penentu untuk mengukur pertumbuhan dan produktiviti, manakala output per pekerja digunakan sebagai pengukur terhadap perubahan daya saing sesebuah negara. Proses pertumbuhan juga sangat dipengaruhi oleh penawaran buruh, stok modal dan kemajuan teknologi. Walau bagaimanapun, penghijrahan buruh daripada satu kawasan ke kawasan yang lain bukan sahaja mendatangkan kesan kepada



penawaran buruh malah juga petunjuk demografi yang lain. Buruh akan berpindah ke wilayah atau kawasan yang menawarkan kadar pulangan (upah) yang tertinggi. Oleh itu, kawasan yang kurang membangun bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan masalah kemiskinan malah juga masalah kekurangan tenaga buruh, nisbah tanggungan yang tinggi dan nisbah jantina yang tidak seimbang dan masalah demografi dan sosial yang lain.

Modal juga memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan wilayah dan ketidakseimbangan. Modal boleh dibahagikan kepada dua kategori; pelaburan swasta dan perbelanjaan awam atau kerajaan. Secara am, modal swasta ini bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) dan tempatan. Peranan teknologi juga tidak kurang pentingnya dalam pembangunan dan kemajuan sektor perindustrian dan pertanian. Pada tahap awal pembangunan industri, wilayah-wilayah yang sedang membangun bergantung kepada teknologi asing. Pada waktu yang sama kerajaan memberi tumpuan kepada institusi pembangunan penyelidikan sains dan teknologi (S&T) dan pembangunan dan penyelidikan (P&P) sebagai sumber kepada pembangunan teknologi. Tahap output, pendapatan dan taraf hidup yang rendah di kawasan kurang membangun sering dikaitkan dengan tradisi dan juga teknologi mereka yang sederhana. Wilayah yang kurang membangun juga menghadapi masalah kekurangan faktor modal dan inovasi untuk penciptaan teknologi walaupun mempunyai penawaran buruh yang berlebihan. Keadaan ini (inovasi dan penciptaan teknologi) mungkin berbeza di wilayah maju walaupun wilayah ini mengalami kekurangan penawaran buruh. Secara keseluruhan, wilayah kurang maju masih bergantung kepada kaedah pengeluaran berintensifkan buruh dan berhadapan dengan masalah nisbah produktiviti yang rendah.

Lokasi sumber semula jadi (aspek geografi) dan dominasi penjajah (aspek sejarah) merupakan dua faktor terpenting mengapa wujudnya ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah. Pada peringkat awal, sumber-sumber semula jadi membuatkan sesuatu lokasi itu “bernilai” dan menarik minat kuasa luar untuk menjajah kawasan tersebut. Pengalaman di Malaysia, kawasan yang maju ialah kawasan yang telah dieksploitasi sumber aslinya oleh penjajah. Untuk mengeksploitasi sumber asli, kawasan tersebut perlu dimajukan dengan infrastruktur asas dan mempunyai tenaga buruh yang mencukupi. Faktor ini akhirnya akan menggalakkan penghijrahan masyarakat tempatan dan juga antarabangsa ke kawasan “terpilih” tersebut.

Peningkatan ketidakseimbangan wilayah pada peringkat awal yang disebabkan oleh perpindahan modal dan buruh dan juga polisi kerajaan yang bertujuan untuk memaksimumkan pertumbuhan (atau eksport kepada penjajah). Pada peringkat awal pembangunan, kebanyakan wilayah boleh dikelaskan sebagai dualistik. Proses transformasi ini telah mewujudkan dua sektor yang berbeza iaitu; sektor moden (sektor perindustrian) dan sektor tradisional (sektor pertanian).

Terdapat dua kumpulan industri yang boleh diagihkan dalam wilayah. Kumpulan yang pertama ialah industri teknologi moden, yang terdapat di negara-negara membangun dan industri kecil yang boleh dilihat di negara-negara kurang membangun. Apabila kedua-dua industri ini membangun di dalam wilayah yang sama, maka faedah daripada skala



ekonomi mampu dicapai (pengkhususan wilayah) dan juga faedah daripada proses urbanisasi dan agglomerasi. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, terdapat juga masalah-masalah yang perlu ditangani. Antaranya adalah seperti masalah ekonomi tidak berskala seperti masalah pentadbiran, masalah akibat proses agglomerasi (masalah kesesakan dan pencemaran udara) dan masalah yang disebabkan proses urbanisasi (seperti peningkatan sewa). Masalah-masalah ini akan memberi kesan atas faedah berbanding sesuatu wilayah atau industri.

Polisi kerajaan boleh mempengaruhi semua pemboleh ubah bersandar dalam persamaan. Ia boleh dibahagikan kepada empat; polisi kerajaan terhadap pindahan dan penciptaan teknologi, polisi kerajaan terhadap aliran modal, polisi kerajaan terhadap tenaga buruh dan polisi kerajaan terhadap lokasi industri.

Di wilayah sedang membangun, kerajaan tetap memainkan peranan yang penting dalam proses penciptaan teknologi. Usaha kerajaan boleh dilihat melalui sokongannya dalam bentuk pelaburan yang besar ke atas pembangunan dan penyelidikan. Pada masa yang sama juga, kerajaan akan memperkenalkan polisi yang sesuai untuk meningkatkan keupayaan teknologi tempatan sebagai salah satu alat sosioekonomi negara. Matlamat utama S&T pula adalah untuk mengeratkan kerjasama antara sektor awam dan swasta dan antara ahli sains dan teknologi. Pengukuran ini digunakan untuk mempercepatkan proses penciptaan teknologi tempatan melalui proses asimilasi, inovasi dan penggunaan teknologi asing.

Dalam usaha untuk menggalakkan sektor perindustrian di wilayah kurang membangun, kerajaan akan memperkenalkan skim intensif berasaskan lokasi. Berdasarkan skim ini, mana-mana firma industri yang ditempatkan di kawasan tertentu akan dikecualikan daripada membayar cukai. Objektif skim ini adalah untuk mengatasi ketidakseimbangan pengagihan industri antara kawasan bandar dan pedalaman.

Secara kesimpulannya, pertumbuhan ekonomi akan menggalakkan proses pembangunan dan pembangunan akan melibatkan proses transformasi ekonomi, demografi dan sosial. Ianya saling berkait antara satu sama lain. Dalam proses transformasi ini, ketidakseimbangan pasti akan berlaku kerana adalah mustahil semua kawasan atau wilayah akan maju serentak. Faktor ketidakseimbangan pembangunan wilayah akan mempunyai hubungan yang rapat dengan faktor ketidakseimbangan antara kaum jika kaum-kaum ini agak terpisah dari segi geografi dan aktiviti ekonomi. Selain itu, faktor pengeluaran yang terhad menyebabkan keseimbangan (dalam pengertian yang luas) terpaksa dikorbankan untuk menikmati pembangunan nasional (negara) yang maksimum. Oleh yang demikian, dalam menjana pertumbuhan ekonomi maksimum ini, polisi kerajaan akan berfungsi untuk meminimumkan ketidakseimbangan yang berlaku.

### Nota Akhir

<sup>1</sup>HPAEs meliputi Jepun, Hong Kong, Republik Korea, Singapura, Taiwan dan New

Industrialising Economics countries, atau NIEs yang meliputi Indonesia, Malaysia dan Thailand.

### Rujukan

- Aghion, P., Caroli, E., & Garcia-Penalosa, C., (1999). Inequality and Economic Growth: The perspective on the growth theories. *Working Papers* No.9908. June. University College London.
- Andres, J., Domenech, R., & Molinas, C. (1996). Macroeconomic performance and convergence in OECD countries. *European Economic Review*, 40, 1683-1704.
- Anuar, A. (1983). Agglomerasi perkilangan dan perbandaran di Semenanjung Malaysia: Satu Konflik Dengan Keperluan Mengurangkan Ketidakseimbangan Regional. *Seminar Perbandaran dan Pembangunan Negara*, 24-25 Oktober, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 6-7,15,29.
- Asan Ali, G. H. (1998). Ketidakseimbangan agihan industri dan migrasi penduduk di negeri Kedah. *Jurnal Analisis*, 5 (1), 99-118.
- Auerbach, A.J. & Kotlikoff, L.J. (1987). *Dynamic fiscal policy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bala, F., & Nijkamp, P. (1997). Exogenous and endogenous spatial growth Model. *TI Discussion Paper 97-022/3*, Tinbergen Institute, Amsterdam.
- Balassa, B. (1978). Export and economic growth: Further evidence. *Journal of Development Economics*, 5, 181-189.
- Barro, J.R. (1997). Determinants of economic growth: A cross-country empirical study. *Development Discussion Paper*, No.579. Harvard Institute for International Development.
- Barro, J.R., & Sala-i-Martin, X. (1999). *Economic growth*. Cambridge: MIT Press.
- Barro, J.R., & Sala-i-Martin. (1995). *Economic growth*. New York: McGraw-Hill.
- Bernstein, H. (1971). Modernization theory and the sociological study of development. *Journal of Development Studies*, 7 (2).
- Birou (1977). *Towards a re-definition of development*. Oxford: Pergamon Press.
- Bloom, E.D., & Williansom, G.J. (1998). Demographic transitions and economic miracles in emerging asia. *World Bank Economic Review*, 12 (3), 419-455.

- Bornscher, V. (1983). World economy, level development and income distribution: An integration of different approaches to the explanation of income inequality. *World Development*, 11 (1), 11-20.
- Brandt, W. (1980). *North-South: A programme for survival*. London: Pan Books.
- Brinkman, R. (1995). Economic Growth versus economic development: Toward a conceptual clarification. *Journal of Economic Issues*, 29 (4), 1171-1185.
- Button, K. (1998). Infrastructure investment, endogenous growth and economic convergence. *The Annals of Regional Science*, 32, 145-162.
- Chaudhuri, P. (1989). *The economic theory of growth*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Chenery, H. B. (1979). *Structural change and development policies*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.
- Chenery, H. B., & Syrquin, M. (1975). *Patterns of development, 1950-1970*. London: Oxford University Press.
- Cohen, W., & Klepper, S. (1996). A reprise of size and R&D. *Economic Journal*, 106, 925-951.
- De-Long, B.J., & Summers, H.L. (1991). Equipment investment and economic growth. *Quarterly Journal of Economics*, 106 (2), 445-502.
- Easterly, W., & Rebelo, S. (1993). Fiscal policy and economic growth: An empirical investigation. *Journal of Monetary Economic*, 32 (3), 417-458.
- Edwards, S. (1993). Openness, trade, liberalization and growth in developing countries. *Journal of Economic Literature*, 31, 1358-1393.
- Fei, J., C.H., & Ranis, G. (1964). Capital-labor ratios in theory and in history: Reply. *The American Economic Review*, 54 (6), 1063-1069.
- Fu-Chen, L. & Kamal, S. (1978). Growth poles and regional policy in open dualistic economist: Wertern Theory and Asian Reality. In, Fu-Chen Lo & Kamal Salih (Eds.), *Growth pole strategy and regional development policies*. Oxford: Pergamon Press.
- Gillis, M., Perkins, D.H., Roemer, M., & Snodgrass, D.R. (1992). *Economic of development* (3ed.). New York: W.W. Norton and Company.
- Jones, I.C. (1998). *Introduction to economic growth*. New York: Norton and Company.

- Kelley, A.C., & Schmidt, M.R. (1998). *Economic and demographic change: A synthesis of model, finding, and perspective*. Working Paper Symposium on Population Change and Economic Development. Co-Sponsored by The Rockefeller Foundation, The United Nations Population Fund, and The Packard Foundation. Bellagio Center, Italy, 2-6 November.
- Klenow, P.J., & Rodriguez-Clare, A. (1999). Fiscal policy and growth: Evidence from OECD countries. *Journal of Monetary Economics*, 40, 597-617.
- Kuznets, S. (1955). Economic growth and income inequality. *American Economic Review*, 49, 1-28.
- Kuznets, S. (1963). Quantitative aspects of the economic growth of nations: The distribution of income by size. *Economic Development and Cultural Change*, 11, 1-92.
- Kuznets, S. (1981). Size of households and income disparities. In Simon JL and Lindert, P.H. *Research in population economic*, 3. Greenwich: Jai Press Inc.
- Lewis, A.W. (1954, May). Economic development with unlimited supplies of labour. *Manchester School*, 22, 139-191.
- Mankiw, N.G. (1995). *The growth of nations*. Brookings Papers on Economic Activity, 1, 275-310.
- Meerman, J. (1979). *Public expenditure in Malaysia: Who benefits and why*. Washington: Oxford University Press.
- Meier, M.G. (1988). *Leading issues in economic development*. (4<sup>th</sup> ed.). New York: Oxford University Press.
- Mera, K. (1975). *Income distribution and regional development*. Tokyo: University of Tokyo Press.
- Miles, D. (1999). Modelling the impact of demographic change upon the economy. *The Economic Journal*, 109, 1-36.
- Mohd.Yusof, K. (1990). *Kemiskinan dan pembangunan bandar selepas 1990*. Siri Kertas Penyelidikan No.1, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Morris, D.M. (1979). *Measuring the condition of the world's poor: The physical quality of life index*. London: Frank Cass.
- Nakao, S. (1997). Booming Asia reconsidered. *Osaka City University Economic Review*, 32 (1-2), 51-75.

- Nijkamp, P. (1986). Infrastructure and regional development: A multidimensional policy analysis. *Empirical Economics*, 11, 1-21.
- Nijkamp, P. & Poot, J. (1998). Spatial perspectives on new theories of economic growth. *The Annals of Regional Sciences*, 32, 7-37.
- Osman, R. H. (1983). Polisi perindustrian dan penglibatan bumiputera. Dlm. Jaafar Muhamad & Abdul Shukor Ariffin (Pnyt.), *Masalah dan prospek ekonomi bumiputera*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perotti, R. (1996). Growth, income distribution, and democracy: What the data say. *Journal of Economic Growth*, 1 (2), 149-87.
- Pryor, R.J. (1979). Malaysia: Migration and development: A regional synthesis. In R.J. Pryor (Ed.), *Migration and development in Southeast Asia: A demographic perspective*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 113.
- Rahman, Md.Aminur (1999). Inequality and the Growth Process: An Essay on Development Dynamics. Paper Presented at the *Annual Meeting of the Society for Computational Economics*, Boston College. June 24-26.
- Raymo, M.J. (1995). Are investments in higher education productive? Evidence from Japanese time series data. *Osaka City University Economic Review*, 30 (1-2), 81-97.
- Rosenzweig, R.M. (1990). Population growth and human capital investment: Theory and evidence. *Journal of Political Economy*, 98 (5), S38-S70.
- Saeed, K., & Prankprakma, P. (1997). Technological development in dual economy: Alternative policy levers for economic development. *World Development*, 25 (5), 695-712.
- Seers, D. (1977). The new meaning of development. *International Development Review*, 3.
- Sengupta, J. K. 1994. Empirical tests of new growth theory: Openness and growth. *Journal of Economic Integration*, 9, 393-415.
- Smith, C.S. 1997. *Case studies in economic development*. (2<sup>nd</sup> ed.). New York: Addison-Wesley.
- Solow, R.M. (1956). A contribution to the theory of economic growth. *Quarterly Journal of Economics*, 70 (1), 65-94.
- Solow, R.M. (1957). Technical change and aggregate production function. *Review of Economic and Statistics*, 39, 312-320.

- Swan, T.W. (1956). Economic growth and capital accumulation. *Economic Record*, 32, 334-361.
- Syrquin, M. (1988). Pattern of structural change. In Chenery H. and Srinivasan T.N. (Eds.), *Handbook of development economic*, I. Amsterdam: Elsevier Science Publishers B.V
- Perotti, R. (1996). Growth, income distribution, and democracy: What the data say. *Journal of Economic Growth*, 1 (2), 149-87.
- Pryor, R.J. (1979). Malaysia: Migration and development: A regional synthesis. In R.J. Pryor (Ed.), *Migration and development in Southeast Asia: A demographic perspective*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 113.
- Rahman, Md. Aminur (1999). Inequality and the Growth Process: An Essay on Development Dynamics. Paper Presented at the *Annual Meeting of the Society for Computational Economics*, Boston College. June 24-26.
- Raymo, M.J. (1995). Are investments in higher education productive? Evidence from Japanese time series data. *Osaka City University Economic Review*, 30 (1-2), 81-97.
- Rosenzweig, R.M. (1990). Population growth and human capital investment: Theory and evidence. *Journal of Political Economy*, 98 (5), S38-S70.
- Saeed, K., & Prankprakma, P. (1997). Technological development in dual economy: Alternative policy levers for economic development. *World Development*, 25 (5), 695-712.
- Seers, D. (1977). The new meaning of development. *International Development Review*, 3.
- Sengupta, J. K. (1994). Empirical tests of new growth theory: Openness and growth. *Journal of Economic Integration*, 9, 393-415.
- Smith, C.S. 1997. *Case studies in economic development*. (2nd ed.). New York: Addison-Wesley.
- Solow, R.M. (1956). A contribution to the theory of economic growth. *Quarterly Journal of Economics*, 70 (1), 65-94.
- Solow, R.M. (1957). Technical change and aggregate production function. *Review of Economic and Statistics*, 39, 312-320.
- Swan, T.W. (1956). Economic growth and capital accumulation. *Economic Record*, 32, 334-361.

- Syrquin, M. (1988). Pattern of structural change. In Chenery H. and Srinivasan T.N. (Eds.), *Handbook of development economic*, I. Amsterdam: Elsevier Science Publishers B.V.
- Syrquin, M., & Chenery, H.B. (1986). *Pattern of development: 1950 to 1983 processed*. World Bank.
- Thirlwall, A.P. (1983). *Growth and development*. Hong Kong: Macmillan.
- Thirlwall, A.P. (1994). *Growth and development: With special reference to developing economies*. (5th ed.). Hampshire: The Macmillan Press.
- Todaro, M.P. (1997). *Economic development*. New York: Longman.
- Todaro, M.P. (1989). *Economic development in the third world*. London: Longman.
- Williamson, J.G. (1965). Regional inequality and the process of national development: A description of patterns. *Economic Development and Culture Change* 13.
- World Bank (1993). *The East Asian miracle: Economic growth and public policy*. Oxford: Oxford University Press.
- Wu, Y. (2000). Measuring the performance of foreign direct investment: A case of China. *Economic Letters*, 66, 143-150.
- Zuvekas, C. (1979). *Economic development an introduction*. New York: The Macmillan Press.